

547

MAHATHIR

1975

JITRA, 1 FEB (BERNAMA) -- TUNJUK PERASAAN TIDAK DAPAT
MENYELESAIKAN SESUATU MASAALAH, KATA MENTERI PELAJARAN, DR.
MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SEBALIKNYA APA YANG PATUT DILAKUKAN OLEH MANA-MANA PIHAK
JIKA TIDAK PUASHATI TERHADAP KERAJAAN IALAH MENGADAKAN MAJLIS
DIALOG, KATANYA.

BELIAU MENYATAKAN INI DALAM SATU MAJLIS DIALOG DENGAN
JAWATANKUASA LEMBAGA PENANAM PADI KEDAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN
TELUK MALIK, EMPAT BATU DARI SINI.

TURUT HADHIR IALAH PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, ENCIK TAJUDDIN
HAJI HASHIM DAN WAKIL-WAKIL RAKYAT. -- BERSAMBUNG 1455/YF

548

MAHATHIR 2 JITRA

DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TELAH MEMBELANJAKAN \$300
JUTA BAGI PROJEK PENGAIRAN MUDA UNTUK FAEDAH PARA PETANI. INI
MENUNJUKKAN BAHAWA KERAJAAN SENTIASA BERFIKIR UNTUK RAKYAT.

SEBELUM ITU, AHLI EXKO NEGERI KEDAH, ENCIK OSMAN AROFF
BERKATA, MELALUI MAJLIS DIALOG MASAALAH-MASAALAH PARA PETANI
DAPAT DI SELESAIKAN. -- BERNAMA 1457/YF